



**GANGGUAN BAHASA IBUNDA DALAM PEMBELAJARAN BAHASA
MANDARIN DI KALANGAN PELAJAR MELAYU UTM JOHOR:
SATU ANALISIS KESILAPAN SINTAKSIS**

OLEH :

**TOH LING LING
AINOL HASANAL JALALUDDIN
WEE SHEAU PING**

DISEMBER 2005

PENGHARGAAN

Kami ingin memanjatkan rasa kesyukuran kepada yang Maha Esa kerana dengan limpah kurniaNya, projek ini telah dapat disudahkan dengan baik dan lancar. Juga, setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi membolehkan penyelidikan ini disiapkan dengan sempurna. Terutama sekali kepada Encik Lim Yoon Chong, PM Ruhana Zainuddin dan Puan Azizah Aris. Meskipun berbagai halangan dan kesusahan melanda tetapi ia tidak sekumit pun mematahkan semangat kami untuk menyudahkan projek yang amat bererti buat kami semua khususnya dan UiTM amnya. Di dalam pelbagai kepayahan yang diharungi, episod kenangan manis dan bermakna juga mewarnai kehidupan pengajaran dan penyelidikan kami. Di samping itu, kami merasa gembira apabila hasil yang dituai amat memberangsangkan. Proses penyelidikan telah sedikit sebanyak mendewasakan kami iaitu ia telah menjadikan kami lebih memahami tanggungjawab dan agenda yang perlu dilaksanakan oleh pensyarah universiti. Perkongsian pengalaman dan pandangan dalam dunia pengajaran cukup banyak dan indah untuk diperkatakan dan diperkembang supaya ia memberi manfaat dan impak yang maksimum kepada khalayak yang berminat dan berkaitan. Tanpa sokongan dan dukungan rakan-rakan sepejabat dan penanggungjawab di URDC, mustahil projek ini dapat disudahkan dengan jayanya.

ISI KANDUNGAN

Abstrak	1
Bab 1: Pengenalan	2
1.1 Pendahuluan	2
1.2 Pernyataan Masalah	3
1.3 Objektif Kajian	4
1.4 Kepentingan Kajian	5
1.5 Batasan Kajian	6
Bab 2: Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan	7
2.1 Pengenalan Analisis Kontrastif	7
2.2 Pengenalan Analisis Kesilapan	9
2.3 Pengenalan Sintaksis	14
2.4 Perbandingan Struktur Ayat Bahasa Cina dan Bahasa Melayu	15
Bab 3: Metodologi Penyelidikan	23
3.1 Pengenalan	23
3.2 Latar Belakang Responden	23
3.3 Alat-alat Kajian	25
3.4 Prosedur Kajian	26
3.5 Analisis Data	28
Bab 4: Kesilapan Sintaksis yang Disebabkan oleh Gangguan Bahasa Ibunda	35
4.1 Kategori Kekurangan Frasa	35
4.2 Kategori Berlebihan Frasa	37
4.3 Kategori Salah Slot	39
4.4 Kategori Songsangan	42
4.5 Kategori Salahguna Frasa	44
Bab 5: Langkah Pemulihan Dan Kesimpulan	48
5.1 Kesimpulan	48
5.2 Langkah Pemulihan	49
5.3 Batasan Kajian dan Cadangan Untuk Kajian Lanjut	55
Bibliografi	57
Lampiran	60

DAFTAR ILLUSTRASI

Jadual 2.1 Ayat tanya tanpa kata tanya	16
Jadual 2.2 Ayat penyata 'shì' (ialah)	16
Jadual 2.3 Ayat tanya dengan kata tanya	17
Jadual 2.4 Ayat penyata dengan kata keterangan tempat	17
Jadual 2.5 Ayat penyata dengan kata keterangan masa	18
Jadual 2.6 Ayat penyata dengan kata keterangan cara	19
Jadual 2.7 Ayat penyata dengan kata kerja bersiri	20
Jadual 2.8 Ayat dengan kata waktu	20
Jadual 2.9 Ayat dengan penjodoh bilangan	21
Jadual 2.10 Ayat dengan kata bantu 'de' (punya)	21
Jadual 2.11 Ayat dengan kata bantu aspek 'le' (telah)	22
Jadual 3 Jumlah masa ulangkaji responden dalam seminggu	24
Jadual 3.1 Jenis-jenis Kesilapan Dalam Bahagian A Cíjù Chóngzǔ (Susun Semula Ayat)	28
Jadual 3.2 Jenis-jenis Kesilapan Dalam Bahagian B Zàojù (Bina Ayat)	29
Jadual 3.3 Jenis-jenis Kesilapan Dalam Bahagian C Fānyì (Penterjemahan)	30
Jadual 3.4 Jenis-jenis Kesilapan Dalam Bahagian E Zuòwén (Karangan)	31
Jadual 3.5 Jenis-jenis Kesilapan Dalam Bahagian D Tíwèn (Bina Soalan)	32
Jadual 3.6 Perbandingan Jenis-jenis Kesilapan Dalam Kelima-lima Bahagian	32
Jadual 3.7 Jenis-jenis Kesilapan Sintaksis Secara Keseluruhan Dalam Kelima-lima Bahagian	33

Abstrak

Kajian ini meneliti jenis-jenis kesilapan sintaksis di kalangan pelajar-pelajar Melayu UiTM Johor dalam pembelajaran Bahasa Mandarin yang disebabkan oleh gangguan bahasa ibunda. Subjek kajian ini ialah pelajar-pelajar Melayu semester ketiga UiTM Johor yang mengambil Bahasa Mandarin I sebagai bahasa ketiga dalam kursus diploma pada semester November 2004- April 2005.

Untuk menunjukkan perbezaan sintaksis antara bahasa sasaran dan bahasa ibunda, iaitu Bahasa Mandarin dan Bahasa Melayu, satu perbandingan struktur ayat akan dibuat. Ayat-ayat yang dikaji terbatas kepada ayat-ayat yang sedia ada dalam buku teks kursus Bahasa Mandarin I demi keberkesanan pembelajaran dan pengajaran.

Dari hasil perbandingan struktur ayat Bahasa Mandarin dan Bahasa Melayu, jenis-jenis kesilapan yang dilakukan oleh para pelajar yang disebabkan oleh gangguan bahasa ibunda akan dikenalpasti dan dikaji. Di samping itu, punca-punca kesilapan selain daripada gangguan bahasa ibunda juga dapat dikenalpasti.

Dengan memastikan jenis-jenis kesilapan serta faktor-faktor yang mempengaruhinya, kajian ini juga akan mengemukakan beberapa langkah pemulihan untuk mengatasi masalah-masalah penguasaan sintaksis Bahasa Mandarin di kalangan pelajar Melayu di UiTM Johor khasnya dan di luar UiTM Johor amnya.